



Program Food Bank adalah inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat.

(Foto hiasan)

311,189 isi rumah terima manfaat Program Food Bank

Kuala Lumpur: Program Food Bank Malaysia yang dilancarkan secara rasmi pada Disember 2018, sudah memberi manfaat kepada 311,189 isi rumah di seluruh negara sehingga Ogos lalu.

Dalam tempoh itu, sebanyak 1,701 tan lebihan makanan dianggarkan bernilai RM8.51 juta diagih menerusi program terbabit yang menjadi satu daripada usaha Kemente-

rian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menjelaskan, program itu juga memberi kesedaran kepada pengguna mengenai inisiatif 'sisa sifar' bagi mengelak dan mengurangkan pembaziran makanan.

"Sementara itu, prog-

ram Food Bank Siswa pula telah memanfaatkan 4,970 mahasiswa daripada golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datuk) yang dipaparkan dalam laman web Parlimen, semalam.

BERNAMA